

27 OCT 2001

Mahathir-Media

MEDIA AMERIKA MENJUSTIFIKASI SERANGAN TERHADAP IRAQ, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata yang media di Amerika Syarikat kini mula menjustifikasi kemungkinan serangan terhadap Iraq menggunakan isu antraks.

Dr Mahathir berkata, media negara itu cuba menunjukkan yang hanya tiga negara di dunia ini yang boleh menggunakan antraks dengan berkesan dengan mencampur bahan tambahan dan negara-negara ini selain daripada Amerika sendiri, ialah Russia dan Iraq.

"Media di Amerika sangat berpengaruh...mereka sebenarnya menggariskan agenda bagi kerajaan melalui laporan-laporan mereka.

"Ini ialah permulaan justifikasi bagi kemungkinan serangan terhadap Iraq yang telahpun dilaporkan oleh media," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang di sini, setelah pulang ke tanahair selepas berada di China, Korea Selatan dan Jepun selama sembilan hari. Semasa berada di Cina Perdana Menteri menghadiri Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Shanghai.

Beliau berkata, sekarang penduduk Amerika akan marah dengan Iraq kerana cara Iraq digambarkan oleh media kerana media membentuk pemikiran rakyat.

" Kerajaan Amerika kemudian terpaksa bertindak kerana media terus menekan," dan Dr Mahathir menambah kata ini isu propaganda yang besar.. tidak kurang... mereka (media) yang mengendalikan negara," katanya.

Mengenai keganasan Israel, Dr Mahathir berkata Israel kini nampak lebih melampau dari dulu.

"Kononnya dia bunuh orang Palestin kerana orang Palestin bunuh Menteri dia. Tetapi orang Palestin bunuh menteri dia kerana dia (Israel) bunuh beberapa orang daripada pegawai tinggi dalam kerajaan Arafat.

"Jadi mereka (Palestin) bunuh cara balas dendam," katanya.

Mahathir berkata media sentiasa melaporkan yang Israel bertindakbalas terhadap Palestin.. tetapi ia di sebaliknya.

"Rakyat Palestin yang bertindakbalas terhadap pembunuhan yang dilakukan oleh Israel" dan menambah kata lebih ramai warga Palestin dibunuh oleh Israel berbanding warga Israel yang dibunuh oleh rakyat Palestin.

-- BERNAMA

AKT AKT PR